

# PARTISIPASI POLITIK BELIA SECARA ‘ONLINE’ MELALUI RUANG DEMOKRASI MAKLUMAT MEDIA BARU

FATIMAH AKMAL & ALI SALMAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

## Abstrak

Demokrasi menerusi internet membuka satu dimensi baru dalam proses komunikasi dan penyebaran maklumat. Kajian ini fokus kepada penggunaan media baru sebagai medium yang memudahkan sebaran maklumat, dimana informasi boleh diakses tanpa sekat. Malah pengguna bebas berkongsi, suarkan pendapat dan juga mampu meningkatkan partisipasi politik mereka. Tujuan kajian untuk melihat hubungan demokrasi maklumat menerusi ruang media baru dengan partisipasi politik secara online dan offline dalam kalangan belia bandar. Kaedah persampelan rawak bertujuan melibatkan 250 responden di Kajang dan Bangi. Dapatan kajian dipersembahkan dalam bentuk deskriptif seperti kekerapan, peratusan dan skor min dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS 22). Disamping itu, korelasi Pearson digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah. Secara keseluruhannya, keputusan menunjukkan bahawa dapatan hasil kajian telah mencapai matlamat objektif kajian. Pemboleh ubah seperti penggunaan media baru dengan partisipasi politik media baru secara online dan juga partisipasi politik offline saling memiliki hubungan. Hasil kajian menunjukkan media baru disokong sebagai ruang demokrasi maklumat dan belia aktif dalam partisipasi politik secara online dan juga offline. Kajian pada hadapan boleh dijalankan dengan menganalisis menggunakan kaedah berbeza dan membuat perbandingan bentuk partisipasi politik belia bandar dan luar bandar.

**Kata kunci:** Media baru, partisipasi politik dalam talian,

*demokrasi maklumat dalam talian, belia, penyertaan luar talian*

## YOUTH ONLINE POLITICAL PARTICIPATION THROUGH NEW MEDIA INFORMATION DEMOCRACY SPACE

### **Abstract**

Democracy on the Internet opens up a new dimension in the process of communication and information dissemination. This research focuses on the use of new media as a medium to facilitate the dissemination of information, where information can be accessed without restriction and users are free to share, voice opinions and also able to increase their political participation. The purpose of the study is to examine the relationship between democracy of information through new media space with online and offline political participation among urban youth. Purposive random sampling technique was used and involved 250 respondents from Bangi and Kajang. Data is presented in a descriptive form such as frequencies, percentages and means by using Statistical Package for Social Science (SPSS version 22). In addition, Pearson correlation is used to determine the relationship among the variables. Overall, results showed that use of new media has a significant relationship with online and offline political participation. The results also support that new media act as a space for the democratization of information and youth are active in political participation both online and offline. Future study could employ different methods and compare the political participation of rural and urban youth.

**Keywords:** *New media, online political participation, online information democracy, youth, offline participation*

### **PENGENALAN**

Selaras dengan perkembangan pesat proses komunikasi global telah membentuk masyarakat dalam cara baru komunikasi dan menerima proses komunikasi. Bentuk komunikasi berdasarkan sejarah menurut Chen (2012) adalah bermula dengan mesej secara lisan, skrip, cetak, elektronik (wired and wireless) dan akhirnya komunikasi digital. Sistem komunikasi digital menerusi Internet telah memberi kesan kepada kehidupan seharian masyarakat dunia sejak

awal diperkenalkan sehingga kini, kerana menurut Borchers (2002) Internet mampu melangkaui sempadan masa dan jarak. Sejarah Internet pada asalnya bermula ketika zaman perang dingin pada tahun 1962, dimana Air Force ingin menyelenggara kebolehan dalam menghantar informasi ketenteraan. Oleh itu, sekumpulan saintis telah membangunkan teknologi ini bagi mencapai matlamat tersebut. Terhasilnya ARPANET iaitu rangkaian komputer pertama bagi mengekalkan hubungan komunikasi dalam kes serangan Soviet (Lievrouw & Livingstone 2010).

Berdasarkan sejarah sistem teknologi komunikasi di negara ini, Andan Hussein dan Kamaliah Siarap (2000) mendapati bahawa perkembangan awal rangkaian komputer di Malaysia tidak bermula dengan tujuan ketenteraan dan pertahanan negara tetapi khusus untuk tujuan penyelidikan dan komunikasi. Rangkaian komputer diperkenalkan di negara ini pada tahun 1965 dan sistem komputer pertama digunakan dalam sektor awam sebagai alat yang untuk memproses data, pengurusan organisasi, simpanan rekod bagi institusi. Hal ini turut disokong oleh Latiffah Pawanteh dan Samsudin A. Rahim (2010), mendapati bahawa pada asalnya Internet digunakan sebagai cara memudahkan cara kerja dan kadar penggunaannya semakin bertambah dengan kasar akses langganan meningkat setiap tahun. Sejajar dengan usaha kerajaan dalam meningkatkan kemajuan rangkaian komunikasi dengan merangka pelbagai dasar dan kemudahan dalam perancangan kerajaan.

Seterusnya bermulalah pertumbuhan pesat rangkaian Internet dan teknologi dalam bidang ICT terutamanya ketika zaman pemerintahan Tun Dr. Mahathir. Sebagai contoh, perkembangan Internet lebih pantas dengan beberapa badan seperti MIMOS, JARING, NITA dan sebagainya bagi mencapai matlamat aspirasi negara. Noor Azlin dan Normah Mustaffa (2012) menyatakan bahawa Malaysia harus berterima kasih kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana semasa beliau menjadi Perdana Menteri, beliau telah membangunkan Koridor Raya Multimedia. Malah beliau telah berjanji kepada dunia bahawa Malaysia tidak akan menapis Internet. Dasar ini telah mengerakkan Malaysia untuk membuka ruang demokrasi dalam rangkaian Internet sehingga kini.

Kemunculan media baru menjadi agen kepada demokrasi maklumat. Menurut Dizard (2000), media baru merujuk kepada perkara-perkara seperti video, audio, weblog, laman rangkaian sosial dan pelbagai kandungan yang boleh dicapai oleh pengguna streaming. Hyperlink dan enjin carian menghubungkan semua secara bersama dan memberi banyak pilihan untuk pengguna meneroka dan berkongsi maklumat. Media baru meningkatkan interaktif, membenarkan pengguna untuk memilih informasi dan sumber hiburan apa yang mereka mahu dalam bentuk apa sekalipun. Manakala Siti Ezaleila dan Azizah Hamzah (2011) mendapati kini media baru dilihat lebih dominan berbanding dengan media tradisional atau media lama seperti media cetak, media elektronik, media siaran, dan media interpersonal yang lain. Oleh sebab itu, bentuk masyarakat kini berubah dan tidak lagi hidup dalam kumpulan-kumpulan kecil atau berpuak. Malah era masyarakat

massa yang dikaitkan dengan pengaruh media massa semakin hilang dan mulai digantikan dengan struktur masyarakat yang berbentuk komunikasi jaringan.

Media baru kini menjadi saluran yang popular kerana amalan sistem demokrasi maklumat yang digunakan. Fokus pengkaji adalah mengenal pasti bentuk partisipasi dalam kalangan belia pada masa kini. Situasi semasa menunjukkan wujud peralihan budaya politik dalam kalangan belia yang dilihat dengan lebih selesa untuk partisipasi politik secara online. Hal ini adalah kerana menurut kajian Himelboim et al. (2012) Internet menyesuaikan dengan pergerakan informasi dengan pelbagai arah, membenarkan pengguna untuk interaksi antara satu sama lain. Karakter ruang berdasarkan satu atau pelbagai arah pergerakan interaksi komunikasi secara online menunjukkan terdapat hubungan positif dengan aktiviti politik dan juga tingkah laku. Hal ini disokong oleh para pengkaji, kebanyakan aktiviti di Internet adalah kesinambungan daripada aktiviti offline (Noris 2003; Tkach-Kawasaki 2003; dalam Samsudin A.Rahim 2010).

Oleh itu, secara khususnya, objektif kajian pertama adalah untuk mengukur akses penggunaan dan demokrasi maklumat ruang media baru. Objektif kedua untuk mengetahui penggunaan media baru terhadap partisipasi politik dalam kalangan belia secara online. Objektif ketiga adalah untuk menguji penggunaan media baru terhadap partisipasi politik dalam kalangan belia secara offline. Manakala objektif keempat adalah untuk mengenal pasti hubungan penggunaan media baru dengan partisipasi politik secara online dan juga offline.

## **DEMOKRASI MAKLUMAT DAN PARTISIPASI POLITIK**

Konsep demokrasi maklumat adalah elemen demokrasi merujuk kepada sesiapa sahaja mempunyai peluang untuk berbincang sesuatu perkara, atau mempunyai satu bentuk representasi untuk berbicara tentang hal tersebut bagi pihak mereka. Ciri-ciri teknikal Internet, digabungkan dengan akronim laman perbincangan telah menubuhkan sebuah ‘dunia maya’ yang mempunyai syarat demokrasi (Wright & Street, 2007). Malah kini, akses Internet menerusi media baru seperti blog, Facebook, Twitter, Youtube dan sebagainya memberi kebebasan untuk membuat pertukaran pendapat tanpa sebarang ‘gatekeeper’ dan semua orang bebas untuk menghantar mesej pandangan, berkongsi maklumat serta menyokong pendapat mereka. Azmah Ab. Wahab dan Samsudin A.Rahim (2013) menyatakan bahawa penyertaan pendapat merupakan hak dan tanggungjawab setiap individu dalam sesebuah negara yang demokrasi. Melalui dapatan kajian, pengkaji mendapati penggunaan media dalam talian adalah yang paling kerap berbanding bentuk media yang lain. Manakala penyertaan pendapat, responden dilihat lebih gemar menggunakan media atas talian untuk menyampaikan pendapat seperti menyertai kumpulan perbincangan yang mengupas isu-isu semasa melalui media sosial seperti Facebook, Twitter dan blog.

Sementara itu, Junaidi Awang Besar et al. (2012a) membuat kajian mengenai persepsi pengundi belia dan beliau mendapati bahawa belia lebih cenderung untuk mempercayai sumber maklumat daripada Internet atau blog berbanding

medium maklumat lain. Faktor sumber maklumat Internet dapat diakses dengan lebih mudah, cepat dan terbuka serta maklumat yang diperoleh adalah seimbang antara pihak kerajaan dan pembangkang. Aplikasi ruang siber seperti blog, laman web, forum siber, e-mail, Facebook, dan Twitter, Youtube dapat memperluas ruang bersuara sekali gus meningkatkan partisipasi, mobilisasi sosial dan demokrasi. Media baru dilihat popular dalam kalangan pengundi muda yang tinggal di kawasan bandar. Malah, media massa dan media baru dilihat mempunyai perbezaan yang ketara. Dalam kepincangan tersebutlah, munculnya media baru kepada masyarakat sebagai ayat demokrasi yang ideal.

Berdasarkan kajian Nilsson dan Carlsson (2013), pengkaji mempercayai bahawa media baru mempunyai peranan demokratik kerana boleh digunakan untuk menyebarkan maklumat tanpa melibatkan media tradisional sebagai perantara. Manakala Balaraman et. al. (2013) membincangkan dalam kajian beliau bahawa media arus perdana negara ini dilihat bersikap berat sebelah dan memilih berita yang mempunyai nilai komersial. Senario politik negara dan juga kegagalan peranan yang dimainkan oleh media tradisional menyebabkan rakyat beralih kepada medium komunikasi baru iaitu Internet dan media digital yang tidak dikawal oleh mana-mana pihak. Media baru telah membina posisi yang sangat kuat dengan mewujudkan media yang lebih terbuka dan berkesan berbanding media tradisi yang masih dikongkong oleh sikap memelihara kepentingan pemilik dasar.

Oleh itu, ruang demokrasi maklumat khususnya menerusi media baru telah meningkatkan amalan partisipasi dalam kalangan pengguna terutamanya golongan belia. Sejajar dengan hasil kajian Mohd Fuad Mat Jali (2012) mendapati bahawa tabiat pemilihan belia adalah berbeza berbanding golongan dewasa, kerana golongan dewasa lebih bermintat membaca akhbar harian, menonton berita, mendengar berita di radio dan sebagainya. Namun di Internet, adalah sebaliknya kerana medium ini banyak digunakan oleh belia untuk belajar tentang partisipasi politik. Definisi partisipasi politik berdasarkan kajian Holt et al. (2013) menyatakan bahawa partisipasi merujuk kepada komponen tingkah laku dalam penglibatan politik sebagai aktiviti yang mempunyai tujuan dan memberi kesan dalam mempengaruhi tindakan kerajaan. Sama ada secara langsung, iaitu dengan memberi kesan dalam penggubalan atau pelaksana dasar awam. Manakala secara tidak langsung dengan mempengaruhi dalam pemilihan siapa bakal berkuasa menggubal dasar.

Menurut Towner (2013) pada hari ini, partisipasi politik mempunyai keupayaan dalam menyuarakan pendapat politik secara dalam talian (online) dan juga secara luar talian (offline). Partisipasi politik secara online adalah menghantar email politik, posting komen politik di blog dan mengikuti perkembangan ahli politik di media sosial. Manakala partisipasi politik secara offline termasuk aktiviti seperti menghadiri perhimpunan, menderma kepada calon yang bertanding, bercakap tentang isu atau parti politik dan sebagainya. Selain itu, Skoric dan Poor (2013) mengembangkan bentuk partisipasi politik secara online dengan melihat aktiviti

politik seperti memberi komen dalam diskusi kumpulan secara online mengenai politik atau hubungan awam; membaca blog dengan memberi komen mengenai politik atau hubungan awam; menghantar email kepada orang lain berkaitan tentang politik atau hubungan awam; melayari laman web kerajaan atau institusi pentadbiran awam; menandatangani petisyen secara online.

Menurut Holt (2013) lagi, penyertaan politik secara offline adalah bergantung kepada indeks boleh ubah partisipasi yang diukur dalam kajian lepas. Partisipasi diukur dengan melihat sejauh mana, mereka yang terlibat dalam lapan aktiviti politik semasa kempen pilihan raya. Ini termasuk melawat perhimpunan kempen, menghadiri mesyuarat politik, menghubungi ahli politik dan berkempen untuk meyakinkan orang lain untuk mengundi bagi parti tertentu. Berdasarkan partisipasi politik Carolyn Lim et al. (2013) mengenal pasti partisipasi belia dengan penggunaan media baru. Para responden kajian menunjukkan bahawa mereka asyik melayari media baru, melalui interaksi dua perkara. Pertama, belia menyertai laman rangkaian sosial seperti Facebook, Twitter, dan laman multimedia seperti Youtube. Kedua, belia melayari seperti wiki dan blog. Pengaruh rakan-rakan banyak mempengaruhi mereka dalam pilihan partisipasi mereka dalam media baru, seperti Facebook, Twitter, atau Tumblr. Pengkaji mendapati, media baru boleh membawa hubungan online kepada hubungan realiti secara offline.

## METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kaedah tinjauan (survei) dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Menurut Wood (2001) kaedah kuantitatif melalui kaedah survei adalah paling sesuai bagi mengukur responden rasa, fikir, bertindak dan sebagainya. Sampel kajian meliputi belia di antara umur 21 hingga 40 tahun. Mereka dipilih kerana belia dalam aspek politik dan pilihan raya Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) adalah golongan dalam lingkungan 21 hingga 40 tahun. Pemilihan responden dipilih berdasarkan persampelan bukan kebarangkalian iaitu persampelan bertujuan. Menurut Chua (2006) persampelan bertujuan merujuk kepada prosedur persampelan dimana sekumpulan subjek mempunyai ciri-ciri tertentu dipilih sebagai responden kajian. Dalam penyelidikan ini, kerangka persampelan mewakili tujuan dan tiga ciri yang telah ditetapkan oleh penyelidik iaitu; pertama responden yang pernah atau bakal mengundi dalam pilihan raya. Kedua, responden yang terdedah dengan penggunaan media baru dalam aktiviti sehari-hari mereka. Ketiga, peringkat umur responden fokus hanya golongan belia dalam lingkungan umur di antara 21 hingga 40 tahun.

Sebanyak 250 borang soal selidik telah diedarkan di lokasi kajian iaitu di Kajang dan juga Bangi. Bersesuaian dengan situasi politik semasa kerana berlangsungnya pilihan raya kecil Dun N25 Kajang selepas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kajang, Lee Chin Cheh daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR) meletakkan jawatan dengan mengosongkan kerusi kawasan

tersebut. Menurut Junaidi Awang Besar (2012b) pilihan Raya Kecil (PRK) akan diadakan apabila berlaku pengosongan jawatan dalam mana-mana kerusi yang telah dipertandingkan dalam pilihan raya umum sama ada disebabkan oleh kematian, peletakan jawatan sebagai wakil rakyat dan muflis.

### ***Ujian kebolehpercayaan***

Berdasarkan jadual 1.1 menunjukkan bahawa tahap kebolehpercayaan untuk kesemua nilai setiap pemboleh ubah telah menepati nilai minimum 0.70 yang telah ditetapkan. Jadual di atas telah menunjukkan perbandingan keputusan ujian kebolehpercayaan antara kajian rintis dan kajian sebenar.

Jadual 1.1 Ujian Kebolehpercayaan Untuk Setiap Pemboleh ubah

Pembolehubah	Nilai Cronbach’s Alpha		Jumlah Item
	Kajian Rintis	Kajian Sebenar	
Kekerapan penggunaan media baru	.689	.712	13
Penggunaan media baru	.812	.742	7
Demokrasi maklumat	.777	.848	6
Partisipasi politik online	.919	.942	10
Partisipasi politik offline	.856	.941	10

## **HASIL KAJIAN**

Seramai 250 orang responden dalam kalangan belia telah menjawab soalan soal selidik untuk kajian ini. Jadual 1.2 menunjukkan profil demografi responden secara keseluruhan, responden yang terlibat berdasarkan jantina adalah seimbang iaitu lelaki seramai 125 orang (50%) dan perempuan seramai 125 orang (50%). Responden telah dibahagikan secara seimbang kepada empat kategori umur di antara 21 hingga 40 tahun. Peringkat umur pertama dan kedua mewakili 21 hingga 25 tahun dan 26 hingga 30 tahun dengan mencatatkan peratusan yang sama sebanyak 25.2 peratus. Manakala peringkat umur ketiga dan keempat mencatatkan peratusan 24.8 peratus iaitu kategori 31 hingga 35 tahun dan 36 hingga 40 tahun. Manakala taburan bangsa menunjukkan Melayu merupakan kaum yang paling ramai terlibat di dalam kajian ini dengan mencatatkan peratusan sebanyak (74.0%) diikuti oleh bangsa Cina (15.6%), India (9.2), Bumiputera (0.4%) dan lain-lain (0.8%).

### **Jadual 1.2 Demografi Responden**

	Bilangan	Peratusan (%)
<b>Jantina</b>		
• Lelaki	125	50 %
• Perempuan	125	50%
<b>Umur</b>		
• 21 hingga 25 tahun	63	25.2%
• 26 hingga 30 tahun	63	25.2%
• 31 hingga 35 tahun	62	24.8%
• 36 hingga 40 tahun	62	24.8%
<b>Bangsa</b>		
• Melayu	185	74.0%
• Cina	39	15.6%
• India	23	9.2%
• Bumiputera	1	0.4%
• Lain-lain	2	0.8%
<b>Status pekerjaan</b>		
• Bekerja	158	63.2%
• Pelajar	58	23.2%
• Kerja sendiri	27	10.8%
• Tidak bekerja	7	2.8%
<b>Pendapatan isi rumah sebulan</b>		
• Kurang daripada RM 2000	93	37.2%
• Antara RM 2001 hingga RM 3000	59	23.6%
• Antara RM 3001 hingga RM 4000	45	18.0%
• Antara RM 4001 hingga RM 5000	23	9.2%
• Lebih daripada RM 5000	30	12.0%

Peratusan tertinggi iaitu seramai 158 orang iaitu 63.2 peratus mempunyai status pekerjaan sebagai telah bekerja, diikuti 23.2 peratus adalah pelajar, hanya 10.8 peratus bekerja sendiri dan selebihnya 2.8 peratus tidak bekerja. Berdasarkan pendapatan isi rumah sebulan didapati 37.2 peratus memiliki pendapatan kurang daripada RM2000, diikuti responden yang mempunyai pendapatan antara RM2001 hingga RM3000 sebanyak 23.6 peratus dan antara RM3001 hingga RM4000 sebanyak 18.0 peratus. Manakala pendapatan antara RM4001 hingga RM5000 sebanyak 9.2 peratus dan lebih daripada RM5000 mencatatkan sebanyak 12.0 peratus.

## AKSES PENGGUNAAN INTERNET

Berdasarkan jadual 1.3 dan dapatan kajian mendapati seramai 164 orang (65.6%) sebagai pengguna yang melanggan Internet di rumah dan tidak mempunyai langganan Internet adalah seramai 86 orang (34.4%). Manakala langganan Internet secara mobil data (telefon pintar) mencatatkan peratusan lebih tinggi sebanyak 80.4 peratus mewakili 201 orang dan selebihnya tidak mempunyai langganan Internet secara mobil data sebanyak 19.6 peratus iaitu 49 orang.

**Jadual 1.3 Langganan Internet**

	Bilangan	Peratusan (%)
Langganan Internet di rumah		
• Ya	164	65.6 %
• Tidak	86	34.4%
Langganan Internet mobil data (telefon pintar)		
• Ya	201	80.4%
• Tidak	49	19.6%

Pengkaji juga melihat tempoh sudah berapa lama responden telah menggunakan Internet, berdasarkan jadual 1.4 menunjukkan peratusan tertinggi sebanyak 56.4 peratus mewakili penggunaan Internet lebih daripada 5 tahun, diikuti antara 3 hingga 4 tahun 22.0 peratus, antara 1 hingga 2 tahun 15.2 peratus dan selebihnya 6.4 peratus adalah kurang daripada 1 tahun. Purata untuk melihat berapa lama pengguna meluangkan masa untuk melayari Internet dalam sehari, sebanyak 28 peratus adalah kurang daripada 3 jam, 34 peratus adalah antara 3 hingga 5 jam, 24.8 peratus adalah antara 6 hingga 10 jam, 8.4 peratus adalah antara 11 hingga 20 jam dan lebih daripada 20 jam sebanyak 4.8 peratus sahaja. Manakala jika dilihat untuk purata seminggu paling tinggi adalah lebih daripada 25 jam sebanyak 24.8 peratus, diikuti 7 hingga 14 jam sebanyak 23.2 peratus, seterusnya antara 15 hingga 20 jam sebanyak 22.4 peratus dan catatan peratusan yang sama iaitu 14.8 peratus antara 21 hingga 25 jam dan juga untuk penggunaan kurang daripada 7 jam.

#### Jadual 1.4 Tempoh Menggunakan Internet

	Bilangan	Peratusan (%)
<b>Sudah berapa lama menggunakan Internet</b>		
• Kurang daripada 1 tahun	16	6.4 %
• Antara 1 hingga 2 tahun	38	15.2%
• Antara 3 hingga 4 tahun	55	22.0%
• Lebih daripada 5 tahun	144	56.4%
<b>Berapa lama menggunakan Internet sehari</b>		
• Kurang daripada 3 jam	70	28.0%
• 3 hingga 5 jam	85	34.0%
• 6 hingga 10 jam	62	24.8%
• 11 hingga 20 jam	21	8.4%
• Lebih daripada 20 jam	12	4.8%
<b>Berapa lama menggunakan Internet seminggu</b>		
• Kurang daripada 7 jam	37	14.8%
• 7 hingga 14 jam	58	23.2%
• Antara 15 hingga 20 jam	56	22.4%
• Antara 21 hingga 25 jam	37	14.8%
Lebih daripada 25 jam	62	24.8%

#### TAHAP KEKERAPAN PENGGUNAAN MENGIKUT JENIS MEDIA BARU

Pengkaji juga ingin mengukur tahap kekerapan penggunaan mengikut jenis media baru dalam kalangan belia. Tahap kekerapan penggunaan media baru terbahagi kepada dua iaitu media baru menerusi aplikasi telefon pintar dan juga laman web rangkaian sosial. Jadual 1.5 menunjukkan skor min pada setiap item dalam tahap kekerapan penggunaan mengikut jenis media baru dan telah disusun daripada nilai yang paling tinggi ke paling rendah. Kekerapan penggunaan media baru yang paling banyak diakses oleh responden adalah aplikasi telefon pintar iaitu WhatsApp di mana skor min yang 4.19 manakala sisihan piawai ialah 1.166. Diikuti, laman rangkaian sosial Facebook yang memiliki nilai min 3.89 dan dapatkan nilai sisihan piawai ialah 1.008. Seterusnya, akses kekerapan penggunaan media baru iaitu Youtube memiliki nilai min sebanyak 3.40 dan sisihan piawai adalah 1.030. Aplikasi Google+ pula dengan nilai min 3.10 dan sisihan piawai 1.426.

WeChat pula memiliki kadar min 2.74 dan sisihan piawai 1.429, diikuti Blog dengan kadar min 2.39 dan sisihan piawai 1.104. Selain itu, Instagram mencatatkan nilai min sebanyak 2.24 dan sisihan piawai 1.456, kadar nilai min 2.00 diwakili oleh Twitter dengan sisihan piawai 1.282. Viber pula mendapat

nilai min sebanyak 1.70 dengan sisihan piawai 1.014, kadar min kekerapan penggunaan Line hanyak sebanyak 1.64 dan sisihan piawai 1.014. Tiga item terakhir adalah Tumblr mempunyai nilai min sebanyak 1.21 dengan sisihan piawai 0.607. Flickr mendapat nilai min 1.20 dengan sisihan piawai 0.562. Path memiliki nilai min terendah iaitu hanya 1.10 mewakili sisihan piawai 0.401.

### **Jadual 1.5 Tahap Kekerapan Penggunaan Mengikut Jenis Media Baru**

	Peratusan (%)						Nilai Min	Sisihan Piawai <sup>1</sup>
	1 Tidak Pernah	2 Sekali Sekala	3 Agak Kerap	4 Kerap	5 Sangat Kerap			
<b>Jenis media baru</b>								
• WhatsApp	7.2	2.0	10.8	24.4	55.6	4.19	1.166	
• Facebook	3.2	7.2	16.0	44.8	28.8	3.89	1.008	
• Youtube	3.2	17.2	30.0	35.6	14.0	3.40	1.030	
• Google+	19.6	18.8	12.8	29.6	19.2	3.10	1.426	
• WeChat	30.4	12.8	24.0	18.4	14.4	2.74	1.429	
• Blog	26.4	28.4	27.6	15.2	2.4	2.39	1.104	
• Instagram	49.6	12.4	13.6	13.2	11.2	2.24	1.456	
• Twitter	52.0	19.2	11.2	11.6	6.0	2.00	1.282	
• Viber	59.6	18.8	15.6	3.6	2.4	1.70	1.014	
• Line	62.0	22.4	9.6	2.0	4.0	1.64	1.014	
• Tumblr	85.2	10.8	2.8	0	1.2	1.21	0.607	
• Flickr	84.8	11.6	2.8	0	0.8	1.20	0.562	
• Path	91.2	7.6	0.8	0	0.4	1.10	0.401	

\* Skala Likert = 1 hingga 5, N=250

Dengan umumnya, responden kerap menggunakan media baru dengan purata skala min ( $M=1.10$ ) hingga ( $M=4.19$ ). Jenis saluran media baru yang kerap digunakan ialah Whatsapp, Facebook, diikuti Youtube, Google+, Wechat, Blog, Instagram dan Twitter. Bagaimanapun terdapat 6 item memperoleh skala rendah di bawah angka 2 iaitu Viber, Line, Tumblr, Flickr dan terakhir adalah Path. Namun perolehan yang rendah tidak memberi kesan yang signifikan kepada tahap kekerapan penggunaan mengikut jenis media baru keseluruhannya.

## **PENGGUNAAN MEDIA BARU**

Kajian ini juga untuk mengetahui bentuk penggunaan media baru. Rujuk jadual 1.6, hasil yang diperoleh menunjukkan bahawa penggunaan media baru untuk interaksi sosial seperti menerusi Facebook, Youtube, Path, Instagram, Tumblr

dan sebagainya memiliki skor yang paling tinggi dengan mencatatkan nilai min 5.60 dan sisihan piawai 1.362. Diikuti dengan membaca akhbar online untuk mendapatkan berita semasa dengan nilai min yang diperoleh adalah 5.42 dan sisihan piawai 1.372. Dapatkan ketiga tertinggi adalah melayari media online (TV/radio) dengan nilai min 4.48 dan sisihan piawai 1.748. Seterusnya adalah penggunaan media baru untuk muat turun perisian, lagu atau filem dengan catatan nilai min 4.42 dan sisihan piawai 1.870. Manakala membaca blog untuk mencari informasi politik mendapat nilai min 4.22 dan sisihan piawai 1.780. Penggunaan media baru sebagai hobi, permainan atau hiburan memperoleh nilai min 4.17 dengan sisihan piawai 1.772. Terakhir adalah belanja atau membeli barang secara online memiliki nilai min 3.64 dan sisihan piawai 1.773.

**Jadual 1.6 Penggunaan Media Baru**

	Nilai Min	Sisihan Piawai
<b>Penggunaan media baru</b>		
• Interaksi media sosial	5.60	1.362
• Membaca akhbar online	5.42	1.372
• Melayari media online (TV/radio)	4.48	1.748
• Muat turun perisian lagu/filem	4.42	1.870
• Membaca blog untuk cari Informasi politik.	4.22	1.780
• Hobi/permainan/hiburan	4.17	1.772
• Belanja/membeli barang secara online.	3.64	1.773

\* Skala Likert = 1 hingga 7, N=250

Hasil yang diperoleh daripada penggunaan media baru dapat dirumuskan bahawa purata min ( $M= 3.64$ ) hingga ( $M=5.60$ ) dan tiada nilai di bawah angka 2. Skor min yang terendah adalah belanja atau membeli barang online dan kebanyakan responden menggunakan media baru adalah untuk interaksi sosial dengan skala nilai min yang tinggi. Hal ini kerana media sosial itu sendiri memiliki pelbagai fungsi sama ada untuk komunikasi dan juga untuk mendapatkan informasi semasa.

## **DEMOKRASI MAKLUMAT MEDIA BARU**

Selain mengukur penggunaan media baru, pengkaji juga ingin melihat demokrasi maklumat melalui ruang media baru. Berdasarkan jadual 1.7, hasil yang diperoleh menunjukkan bahawa skor min yang paling tinggi iaitu 6.05 dengan sisihan piawai 1.171 bagi item media baru adalah mudah untuk mencari pelbagai maklumat. Diikuti media baru adalah sumber yang mempunyai demokrasi maklumat dengan nilai min 5.76 dan sisihan piawai 1.267. Seterusnya adalah media baru memberikan kebebasan kepada semua orang untuk bersuara

mengenai pendapat isu semasa dengan mencatatkan nilai min 5.56 dan sisihan piawai 1.491. Manakala media baru memberi kebebasan untuk sebarang penulisan informasi politik dengan memiliki nilai min 5.42 dan sisihan piawai 1.530, selain itu media baru adalah seimbang dalam memberikan berita tentang parti politik dengan nilai min 4.59 dan sisihan piawai 1.745. Media baru memberikan informasi politik yang tinggi kebolehpercayaan berbanding media tradisional dengan mencatatkan nilai min 4.51 dan sisihan piawai 1.854.

Secara keseluruhannya, demokrasi maklumat menggalakkan penggunaan media baru, hal ini dilihat daripada purata min ( $M=4.51$ ) hingga ( $M=6.05$ ). Tiada dapatan nilai min kurang daripada angka 2. Mereka menganggap media baru mudah untuk mencari pelbagai maklumat dengan skor nilai min yang tinggi. Namun sebaliknya dengan nilai min yang rendah adalah media baru memberikan informasi politik yang tinggi kebolehpercayaan berbanding media tradisional.

#### **Jadual 1.7 Demokrasi Maklumat Media Baru**

	Nilai Min	Sisihan Piawai
<b>Demokrasi maklumat media baru</b>		
• Mudah untuk mencari pelbagai maklumat.	6.05	1.171
• Sumber yang mempunyai demokrasi maklumat.	5.76	1.267
• Kebebasan kepada semua menyuarakan pendapat.	5.56	1.491
• Kebebasan untuk sebarang penulisan informasi politik.	5.42	1.530
• Seimbang memberi berita tentang parti politik.	4.59	1.745
• Informasi politik tinggi kebolehpercayaan berbanding media tradisional.	4.51	1.855

\* Likert scale = 1 hingga 7, N=250

### **PARTISIPASI POLITIK MEDIA BARU (ONLINE)**

Kajian ini juga mengukur partisipasi politik belia secara online. Berdasarkan jadual 1.8, skor min yang paling tinggi adalah lebih mempercayai maklumat media baru berbanding media tradisional dengan nilai min 3.96 dan sisihan piawai 2.108. Seterusnya, aktif mencari maklumat politik semasa di media baru dengan mendapat nilai min 3.91 dan sisihan piawai 1.917, diikuti menonton klip video politik di Youtube mencatatkan nilai min 3.77 dan sisihan piawai 1.993. Manakala pengguna aktif media baru untuk partisipasi politik memiliki nilai min 3.71 dengan sisihan piawai 1.961. Selanjutnya adalah berinteraksi dengan rakan online mengenai isu politik semasa mencatatkan nilai min 3.53 dan sisihan piawai 1.935, bagi berkongsi maklumat politik dengan orang lain di media baru memperoleh nilai min sebanyak 3.51 dan sisihan piawai 1.931. Item menyertai diskusi berkumpulan di Facebook mendapat nilai min 3.40 dengan sisihan piawai 1.949 dan mengutarakan pendapat politik di ruang komen di media baru memperoleh nilai min 3.38 dengan sisihan piawai 1.989.

Selain itu, mengikuti perkembangan pemimpin politik yang disukai di Twitter memiliki nilai min 2.66 dengan sisihan piawai 1.882 dan skala min yang terendah adalah menyertai komunikasi atas talian bersama ahli politik yang hanya memiliki nilai min 2.43 dan sisihan piawai 1.796. Secara keseluruhannya, purata min ( $M=2.43$ ) hingga ( $M=3.96$ ) dan tidak terdapat nilai skor min di bawah daripada angka 2.

#### **Jadual 1.8 Partisipasi Politik Media Baru (Online)**

	Nilai Min*	Sisihan Piawai
<b>Partisipasi politik online</b>		
• Lebih percayai maklumat di media baru berbanding media tradisional.	3.96	2.108
• Aktif mencari maklumat politik di media baru.	3.91	1.917
• Menonton klip video politik di Youtube.	3.77	1.993
• Pengguna aktif media baru untuk partisipasi politik.	3.71	1.961
• Berinteraksi dengan rakan online mengenai isu politik.	3.53	1.935
• Berkongsi maklumat politik dengan orang lain	3.51	1.931
• Menyertai diskusi kumpulan di Facebook.	3.40	1.949
• Mengutarakan pendapat politik di ruang komen.	3.38	1.989
• Mengikuti perkembangan pemimpin di Twitter.	2.66	1.882
• Menyertai komunikasi atas talian bersama ahli politik	2.43	1.796

\* Skala Likert = 1 hingga 7, N=250

### **PARTISIPASI POLITIK (OFFLINE)**

Selanjutnya daripada partisipasi politik secara online di media baru, pengkaji juga ingin melihat bentuk partisipasi politik secara offline. Merujuk kepada jadual 1.9, keputusan nilai min yang tertinggi adalah membuat keputusan untuk undi calon pilihan berdasarkan pengaruh media baru dengan nilai min 3.20 dan sisihan piawai 2.165. Bagi menyertai organisasi politik sebagai ahli mencatatkan nilai min 2.99 dengan sisihan piawai 2.312 dan menghadiri forum perbincangan politik memperoleh nilai min 2.87 dan sisihan piawai 2.132. Sertai sukarelawan yang berorientasi politik mendapat nilai min 2.85 dan sisihan piawai 2.073.

Seterusnya membuat keputusan undi calon pilihan berdasarkan pengaruh rakan dan keluarga memiliki nilai min 2.67 dengan sisihan piawai 1.967. Selain itu, menandatangani petisyen politik mencatatkan nilai min sebanyak 2.56 dengan sisihan piawai 2.006 dan menghadiri demonstrasi atau perarakan politik memperoleh nilai min 2.48 dengan sisihan piawai 2.048. Bagi menderma untuk perkara berorientasi politik memperoleh nilai min 2.40 dan sisihan piawai 1.759. Keluar bersama rakan yang dikenali secara online untuk diskusi politik hanya mendapat nilai min 2.24 dengan sisihan piawai 1.819 dan terakhir skala

terendah adalah aktif berkempen untuk organisasi politik mencatatkan nilai min 2.23 dengan sisihan piawai 1.884. Secara keseluruhannya, purata min ( $M=2.23$ ) hingga ( $M=3.20$ ) dan tidak terdapat nilai skor min di bawah daripada angka 2.

#### **Jadual 1.9 Partisipasi Politik (Offline)**

	Nilai Min*	Sisihan Piawai
<b>Partisipasi politik offline</b>		
• Membuat keputusan undi calon berdasar media baru.	3.20	2.165
• Menyertai organisasi politik sebagai ahli.	2.99	2.312
• Menghadiri forum perbincangan politik.	2.87	2.132
• Sertai sukarelawan yang berorientasi politik.	2.85	2.073
• Membuat keputusan undi calon berdasar pengaruh rakan dan keluarga.	2.67	1.967
• Menandatangani petisyen politik.	2.56	2.006
• Menghadiri demonstrasi/perarakan politik.	2.48	2.048
• Menderma untuk perkara berorientasikan politik.	2.40	1.759
• Keluar bersama rakan dikenali online untuk diskusi politik.	2.24	1.819
• Aktif berkempen untuk organisasi politik.	2.23	1.884

\* Skala Likert = 1 hingga 7, N=250

### **HUBUNGAN ANTARA PENGGUNAAN MEDIA BARU DENGAN PARTISIPASI POLITIK ONLINE DAN OFFLINE**

Ujian Korelasi Pearson telah dijalankan bagi menganalisis hubungan antara penggunaan media baru dengan boleh ubah partisipasi politik secara online dan offline. Berdasarkan jadual 1.10 di bawah menunjukkan bahawa nilai yang signifikan dengan hubungan korelasi positif yang rendah di mana nilai  $r=0.335$  untuk partisipasi politik secara online. Manakala untuk partisipasi politik secara offline menunjukkan hubungan korelasi positif yang sedikit dengan nilai  $r=0.128$ .

#### **Jadual 1.10 Jadual Ujian Kolerasi**

	Penggunaan media baru	
	r	p
Partisipasi politik online	0.335	.000
Partisipasi politik offline	0.128	.000

### **PERBINCANGAN**

Terdapat beberapa penemuan penting telah diperoleh dan fokus perbincangan

merujuk kepada dapatan kajian. Hasil kajian mendapati bahawa pada masa kini responden lebih kerap menggunakan media baru menerusi aplikasi telefon pintar iaitu WhatsApp Hal ini berbeza dengan hasil kajian Carolyn Lim et al. (2013) yang mendapati bahawa pertama, belia melayari Facebook, Twitter dan laman multimedia seperti Youtube. Kedua, belia melayari seperti wiki dan blog. Malah belia juga aktif di media baru untuk interaksi sosial. Sejakar dengan hasil kajian Azmah Ab. Wahab dan Samsudin A.Rahim (2013), pengkaji mendapati bahawa responden dilihat lebih gemar menggunakan media atas talian untuk menyampaikan pendapat seperti menyertai kumpulan perbincangan yang mengupas isu-isu semasa melalui media sosial seperti Facebook, Twitter dan blog. Berdasarkan hasil kajian lepas, pemilihan penggunaan media baru yang utama adalah Facebook, Twitter, Youtube, namun kini pengguna mula beralih kepada penggunaan media baru menerusi aplikasi WhatsApp. Faktor medium ini yang ringkas untuk berkomunikasi dan lebih cepat sebar maklumat berbanding penggunaan media baru yang lain.

Selain itu, demokrasi maklumat media baru juga antara salah satu keutamaan dalam kajian ini. Secara keseluruhan, demokrasi maklumat menggalakkan penggunaan media baru. Terbukti dengan dapatan hasil kajian nilai min yang tinggi bagi item media baru adalah mudah mencari pelbagai maklumat. Hasil kajian ini mendapati responden aktif mencari maklumat di media baru. Disokong berdasarkan hasil kajian Junaidi Awang Besar et al. (2012a), pengkaji mendapati bahawa belia lebih cenderung untuk mempercayai sumber maklumat daripada Internet atau blog berbanding medium maklumat lain. Faktor sumber maklumat Internet dapat diakses dengan lebih mudah, cepat dan terbuka serta maklumat yang diperoleh adalah seimbang antara pihak kerajaan dan pembangkang. Perbincangan kajian ini menunjukkan bahawa kajian ini telah mencapai matlamat objektif kajian pertama iaitu untuk mengukur akses penggunaan dan demokrasi maklumat ruang media baru.

Objektif kedua untuk mengetahui penggunaan media baru terhadap partisipasi politik dalam kalangan belia secara online. Skor min yang paling tinggi adalah lebih mempercayai maklumat media baru berbanding media tradisional. Dapatkan ini disokong oleh Balaraman et. al. (2013) dalam kajian beliau mendapati bahawa media arus perdana negara ini dilihat bersikap berat sebelah dan memilih berita yang mempunyai nilai komersial. Senario politik negara dan juga kegagalan peranan yang dimainkan oleh media tradisional menyebabkan rakyat beralih kepada medium komunikasi baru iaitu Internet dan media digital yang tidak dikawal oleh mana-mana pihak.

Selanjutnya, pengkaji melihat kepada bentuk partisipasi politik belia secara offline dan dapatan yang penting menunjukkan bahawa nilai min yang tinggi bagi membuat keputusan undi calon pilihan berdasarkan pengaruh media baru. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa kajian ini telah berjaya meneroka terhadap fenomena yang ingin dikaji dengan mencapai matlamat objektif ketiga kajian. Hal ini disokong berdasarkan kajian Holt et al. (2013) menyatakan

bahawa partisipasi merujuk kepada komponen tingkah laku dalam penglibatan politik sebagai aktiviti yang mempunyai tujuan dan memberi kesan dalam mempengaruhi tindakan kerajaan. Sama ada secara langsung, iaitu memberi kesan dalam penggubalan atau pelaksana dasar awam. Manakala secara tidak langsung dengan mempengaruhi dalam pemilihan siapa bakal berkuasa menggubal dasar.

Didapati juga, ujian korelasi menunjukkan bahawa pemboleh ubah yang diuji iaitu, iaitu hubungan penggunaan media baru antara partisipasi politik belia secara online dan partisipasi politik belia secara offline menunjukkan hubungan yang signifikan. Selari dengan penemuan oleh para pengkaji, kebanyakan aktiviti di Internet adalah kesinambungan daripada aktiviti offline (Noris 2003; Tkach-Kawasaki 2003; dalam Samsudin A.Rahim 2010). Hal ini terbukti telah mencapai matlamat objektif keempat adalah untuk mengenal pasti hubungan penggunaan media baru dengan partisipasi politik secara online dan juga offline.

Terdapat beberapa kekangan dan batasan dalam kajian ini, seperti aspek utama kajian iaitu persampelan kajian, masa pengumpulan data dan juga kaedah kajian. Batasan kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak bertujuan dan pemilihan responden adalah berdasarkan ciri-ciri dan tujuan yang ingin dikaji. Oleh itu, terdapat ramai individu terpaksa ditolak kerana mereka tidak memenuhi kriteria yang diperlukan. Manakala daripada kumpulan bangsa, dapatan kajian menunjukkan bahawa responden paling ramai adalah kaum Melayu kerana atas faktor kesulitan untuk mendapatkan kerjasama daripada responden bangsa lain. Atas faktor kesibukan mereka bekerja juga membataskan pengkaji untuk mendapatkan kerjasama daripada mereka untuk mengisi borang soal selidik kajian.

Seterusnya batasan kajian adalah faktor kekangan masa untuk pengedaran borang soal selidik. Pengkaji meletakkan tempoh edaran borang selidik semasa tempoh berkempen iaitu 12 hari. Pengkaji terbatas untuk mendapatkan jumlah responden yang lebih ramai dan sasaran lokasi yang lebih luas. Malah, kajian ini memfokuskan kepada belia dalam lingkungan umur antara 21 hingga 40 tahun. Namun terdapat kekangan pengkaji untuk mendapatkan golongan belia dalam lingkungan umur antara 20 hingga 25 tahun semasa tempoh berkempen pilihan raya atas faktor sekatan AUKU kerana hampir majoriti lingkungan umur ini masih belajar. Dari segi kaedah kajian, segala dapatan kajian dianalisis dan diuji hipotesis dengan korelasi Pearson dan hanya melihat hubungan sahaja antara pemboleh ubah kajian. Analisis regresi boleh digunakan untuk melihat impak dan pengaruh media baru secara mendalam ke atas bentuk partisipasi politik dalam kalangan belia.

Selain itu, bagi cadangan melalui kaedah kajian dan pengkaji berpendapat agar perlu sekiranya kajian masa hadapan menggunakan dua kaedah kajian dalam pengumpulan data iaitu gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah campuran menjadi salah satu cara popular dalam memikirkan bagaimana untuk mendekati persoalan kajian penyelidikan yang dalam pelbagai bidang dan kombinasi ini tiada menunjukkan bias kerana fakta melalui data laporan kajian.

Oleh itu, reka bentuk kajian yang pertama menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik kepada pengundi terutamanya belia. Bagi kaedah kedua dengan menggunakan temu bual mendalam bagi melihat bentuk interaksi sosial secara online dalam kalangan ahli politik.

Pengkaji mencadangkan untuk kajian masa hadapan dengan mengambil responden dalam kalangan belia bandar dan juga luar bandar. Hal ini boleh mengukur bagaimana kekerapan akses dan bentuk penggunaan Internet mempunyai hubungan dengan faktor lokasi mereka tinggal. Hal ini kerana pada masa sekarang Internet tidak lagi terbatas dengan sempadan geografi, malah pelbagai dasar kerajaan yang menyediakan kemudahan akses internet di luar bandar bagi mengurangkan jurang digital. Faktor ini dapat melihat kadar penembusan Internet boleh mempengaruhi bentuk partisipasi politik belia.

## KESIMPULAN

Hasil daripada kajian yang dijalankan, pengkaji berpendapat bahawa melalui perbincangan hasil kajian membuktikan telah mencapai matlamat dan menepati dalam objektif kajian. Pengkaji telah dapat mengukur akses penggunaan Internet dengan tahap kekerapan dan jenis penggunaan media baru. Seterusnya menguji hubungan antara penggunaan media baru dengan partisipasi politik secara online dan juga offline. Penggunaan media baru mempunyai banyak kebaikan, namun medium tersebut juga memiliki kekurangan yang membawa pengaruh yang tidak baik dari sudut budaya dan masyarakat. Oleh itu, kajian ini telah membantu dalam menerangkan fenomena peranan media baru sebagai demokrasi maklumat dan fungsi medium tersebut dalam mempengaruhi partisipasi politik dalam kalangan belia. Daripada hasil kajian, pengkaji berharap agar dapat membantu memberi fakta jelas kepada pihak kerajaan, organisasi atau ahli politik, badan NGO, pihak Universiti dan setiap individu dalam lapisan masyarakat bagi memastikan penggunaan media baru ke arah yang lebih dan penambahbaikan kepada dasar negara pada masa hadapan.

## BIODATA PENULIS

**Fatimah Ahmad** adalah pelajar siswazah di Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kajian beliau adalah dalam media baru dan budaya dan politik.

**Ali Salman** adalah Prof Madya di Pusat Pengajaran Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## RUJUKAN

- Andan Hussein & Kamaliah Siarap. 2000. Penggunaan teknologi komunikasi-informasi di kalangan ahli akademik di Malaysia. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication* 16: 119-130.
- Azmah Ab. Wahab & Samsudin A. Rahim. 2013. Kredibiliti media dan penyertaan dalam persekitaran pendemokrasian maklumat di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 29(1): 141-160.
- Balaraman, R. A. & Faridah Ibrahim. 2013. Kewartawan dari warga ke warga: punca kewujudan dan perkembangan di Malaysia. *Jurnal Komunikasi; Malaysia Journal of Communication* 29(2):175-188.
- Borchers, T. A. 2002. *Persuasion in the Media Age*. United States of America:McGraw-Hill Higher Education.
- Carolyn Lim, Victor Chen Der Thanq, Rose Liang. 2013. Singapore youth's new media participation: Consuming, being, learning and schooling. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 93: 727-731.
- Chen, Guo-Ming. 2012. The impact of new media on intercultural communication in global context. *China Media Research* 8(2): 1-10.
- Chua, Yan Piaw. 2006. *Kaedah penyelidikan*. Malaysia:McGrawHill Education.
- Dizard, W. Jr. 2000. *Old Media New Media, Mass Communication in the Information Age*. New York: Longman.
- Himelboim,I., Lariscy, R. W., Tinkham, S. F., & Sweetser, K. D. 2012. Social media and online political communication: The role of interpersonal information trust and openness. *Jornal of Broadcasting & Electronic Media* 56(1): 92-115.
- Holt, K., Shehata, A., Strömbäck, J. & Ljungberg, E. 2013. Age and the effects of news media attention and social media use on political interest and participation: Do social media function as leveller?. *European Journal of Communication* 28(1):19–34.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Abdul Halim Sidek, Jeniri Amir, Rosmadi Fauzi & Novel Lyndon. 2012a. Persepsi politik pengundi belia Melayu pasca pilihanraya umum (PRU) 2008 di Malaysia *Jurnal Melayu* (9): 191-214.
- Junaidi Awang Besar. 2012b. Persepsi politik dan trend pengundian di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir, Pulau Pinang. *GEOGRAFIA Online Malaysia Journal of Society and Space* 8(3):61-70.
- Latifah Pawanteh & Samsudin A. Rahim. 2001. Internet usage among adolescents: patterns of an emerging lifestyle in a changing media landscape. *Dlm J□rg Becker & Rahmah Hashim (pnyt). Internet Malaysia*, hlmn 105-119. Bangi: Department of Communication, UKM.
- Lievrouw, L. A. & Livingstone, S. 2010. *The Handbook Of New Media*. London: Sage Publications.
- Livingstone, S., Couldry, N., Markham, T. 2007. Youthful steps towards civic

participation: does Internet help. Dlm. Loader, B. D. (pnyt) *Young citizen in the Digital Age: Political engagement, young people and new media*, hlmn 21-34. United States of America: Routledge Taylor & Francis Group.

- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. 2012. Pembangunan sosioekonomi dan pandangan belia terhadap isu semasa di kawasan Parlimen Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Malaysia Journal of Society and Space* 8(2):67 – 76.
- Nilson, B. & Carlsson, E. 2013. Swedish politicians and new media: Democracy, identity and populism in a digital discourse. *New Media & Society* 0(0): 1-17.
- Noor Azlin Bidin & Normah Mustaffa. 2012. Blogosphere: how youth perceived blogs credibility. *Jurnal Komunikasi Malaysian; Journal Of Communication* 28(1): 33-54.
- Samsudin A. Rahim. 2010. Media, demokrasi dan generasi muda : analisis keputusan pilihan raya umum ke-12. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication* 26 (2): 1-15.
- Siti Ezaileila Mustafa & Azizah Hamzah. 2011. Media Baharu yang Baharu: Trend Penggunaan Jaringan Sosial dalam Kalangan Pengguna di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* 13(2):93-110.
- Skoric, M. M & Poor, N. 2013. Youth Engagement in Singapore: The Interplay of Social and Traditional Media. *Journal of Broadcasting & Electronic Media* 57(2): 187–204.
- Towner, T. L. 2013. All political participation is socially networked? New media and the 2012 election. *Social Sciences Computer Review* 31(5): 527-541.
- Wright, S. & Street, J. 2007. Democracy, deliberation and design: the case of online discussion forums. *New Media & Society*. 9(5):849–869.
- Wood, J. T. 2001. *Communication Mosaic An Introduction to the Field of Communication*. United States of America: Wadsworth Thomson Learning.
- Yuslinda Mat Yassin & Hasmah Zanuddin, (2012). Visibility Of PM Najib's 100 Days In Office: A Framing Approach Of His Political Branding Identity. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*. 28 (2) 2012.
- Vineet Kaul (2012). Globalization And Gender Issue. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*. V 28 (2) 2012.
- Wan Idros Wan Sulaiman & Maizatul Haizan Mahbob (2012). Analisis Keberkesanan Pembinaan Pasukan (Team Building): Impak Ke Atas Sumber Daya Manusia. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*. 28 (2) 2012.